

04 NOV 1999  
Indonesia-Lawatan  
LAWATAN GUS DUR UNTUK BERKENALAN

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Lawatan singkat Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid ke Malaysia Sabtu ini merupakan kunjungan perkenalan, kata pemangku Duta Indonesia ke Malaysia Warmas Hasan Saputra hari ini.

Katanya Abdurrahman dijangka mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Warmas memberitahu Bernama bahawa Abdurrahman akan diiringi oleh Menteri Luar Alwi Sihab dan Setiausaha Negara Ali Rahman.

Abdurrahman yang lebih mesra dengan panggilan Gus Dur dipilih sebagai presiden republik itu pada 20 Okt lepas. Lawatannya ke Malaysia adalah sebahagian daripada kunjungan ke negara-negara Asean bermula dengan Singapura.

Ditanya tentang agenda perbincangan, beliau berkata dalam pertemuan sebegini jarang sekali ada apa-apa agenda.

Warmas berkata Kementerian Luar Malaysia telah memaklumkan kepada Jakarta bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai apa-apa "perkara menonjol" untuk dibincangkan.

Ini kerana perkara-perkara berbangkit telah dibincangkan semasa lawatan bekas presiden B.J. Habibie, ke Malaysia Ogos lepas.

"Jadi dalam lawatan kali ini tidak ada mesyuarat peringkat delegasi seperti ketika lawatan Habibie," katanya.

Warmas berkata kedutaan Indonesia juga belum menerima apa-apa mengenai agenda khusus lawatan Abdurrahman itu.

"Sampai ke saat ini, kita belum menerima apa-apa dari Jakarta kerana lawatan sebegini hanyalah kunjungan untuk perkenalan biasa antara pemimpin. Tapi tentunya mungkin ada hal yang dibicarakan," katanya.

Presiden Indonesia itu dijangka tiba pada petang Sabtu ini dan pulang pada pagi keesokannya.

-- BERNAMA  
RV MAI